



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"HUTANG: ANTARA KEPERLUAN ATAU KEMEWAHAN"

21 Jun 2024 / 14 Zulhijah 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى، وَيَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى، وَخَلَقَ النَّاسَ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى، وَجَعَلَ بَيْنَهُمْ مَوَدَّةً وَنَسَبًا وَصَهْرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُضْطَفَى، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَاءِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْ صِنْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: "HUTANG: ANTARA KEPERLUAN ATAU KEMEWAHAN"

Firman Allah SWT, ayat 282 surah al-Baqarah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَآيَنْتُم بِدَيْنِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمَّى فَأَكْتُبُوهُ وَلَا يَكُتبَ بَيْنَ كُمْ
كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ

Bermaksud: "Wahai orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan hutang piutang yang diberikan tempoh masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah salah seorang daripada kamu menulisnya dengan adil (benar)".

Hutang atau *al-qard* merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pembiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya, akan digantikan kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Hukum memberi hutang adalah sunat bagi tujuan melepaskan keperluan orang yang memerlukan, bahkan boleh menjadi wajib, jika pemutang mengetahui orang yang berhutang amat memerlukan hutang tersebut untuk menampung keperluan asas hidup. Namun, hukum memberi hutang adalah haram jika penghutang ingin menggunakan wang tersebut bagi melakukan perkara-perkara haram seperti berjudi dan berfoya-foya.

Hutang juga haram hukumnya, jika dijanjikan keuntungan kepada pemberi hutang atau lebihan bayaran yang disyaratkan kepada peminjam. Telah menjadi amalan sebahagian pemberi hutang memberi hutang dengan mengenakan syarat kepada yang berhutang untuk membayar lebih daripada hutang asal yang diberikan, kerana jahil mengenai hukum atau sengaja melakukannya untuk mendapat keuntungan. Sedarilah! Lebihan bayaran kepada hutang asal yang dipinjam ialah riba, dan perbuatan memakan riba tergolong sebagai dosa besar. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 276 berbunyi:

﴿يَمْحُقُ اللَّهُ الْرِبَا وَيُرِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُ كُلَّ كَفَّارٍ أَشِيمٍ﴾
(٢٧)

Bermaksud: “Allah menyusutkan (kebaikan harta yang diuruskan dengan mengambil) riba dan Dia mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah dan zakatnya. Allah tidak suka kepada orang yang terus kekal dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa”.

Sidang Jumaat yang dirahmati llahi,

Hukum berhutang adalah harus, namun tidak digalakkan tanpa sebab yang mendesak, apatah lagi bagi tujuan bermewah. Bagi mengatur perbelanjaan diri atau keluarga, ummah hendaklah membahagikan tiga jenis perbelanjaan.

Pertama: Perbelanjaan *daruriyat* iaitu perbelanjaan yang asasi seperti rumah, makanan, pakaian, perubatan dan pendidikan.

Kedua: Perbelanjaan *hajiyat* iaitu keperluan tambahan seperti kenderaan, peralatan rumah seperti peralatan memasak, peti sejuk, mesin basuh dan seumpamanya, serta peralatan untuk urusan kerja seperti komputer dan telefon; juga keperluan simpanan untuk kecemasan dan hari tua.

Ketiga: Perbelanjaan *tahsiniyat* iaitu perbelanjaan yang bukan untuk keperluan asas tetapi perbelanjaan mewah seperti melancong, pakaian dan hiasan yang mahal, telefon pintar yang canggih, dan kereta mewah.



Berhutang untuk memenuhi perbelanjaan asasi yang diperlukan, hukumnya harus namun hendaklah dibuat secara berhemah. Manakala berhutang untuk tujuan bermewah sangat tidak digalakkan apatah lagi jika hutang boleh menjadi punca menyebabkan berlaku tekanan dalam hidup serta menjadi punca membolehkan seseorang jatuh muflis apabila gagal melunaskan hutang.

Peribahasa ‘biar papa asal bergaya’ merujuk sifat yang sanggup berbelanja besar kerana mahu bermegah. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit melaporkan hasil tinjauan, menunjukkan 38.5 peratus daripada 1.5 juta peminjam atau responden, didapati bermasalah membayar balik hutang. Kajian tersebut turut mendapati 31.1 peratus atau 466,500 orang mengaku mereka berbelanja ikut perasaan, 22.6 peratus membeli bagi mengatasi tekanan, dan 19.5 peratus membeli tanpa memikirkan kegunaan barang atau perkhidmatan yang dibeli.

Berpandukan perangkaan dari tahun 2019 hingga 2023, seramai 13,073 orang diisyiharkan muflis, paling ramai mereka yang berusia antara 35 hingga 44 tahun. 49.22 peratus kemuflisan yang berlaku di negara ini berpunca daripada pinjaman peribadi. Kad kredit merupakan salah satu sebab utama peminjam menjadi muflis. Kebanyakan pinjaman peribadi dan kad kredit dibuat bagi tujuan bermewah.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Hukum membayar hutang adalah wajib. Sengaja berhutang dan tidak mau membayarnya ialah kezaliman dan berdosa. Rasulullah SAW bersabda:

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ، وَإِذَا أَتَبْعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيِّ فَلَيُتَبَعْ

Bermaksud: "Menangguhkan pembayaran (hutang) bagi orang yang mampu ialah kezaliman, jika salah seorang dari kamu memindahkan hutang itu pada orang yang kaya, maka terimalah ia (pemindahan hutang)." (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Manakala digalakkan pemberi hutang memberi tangguh kepada orang yang berada dalam kesempitan hidup. Firman Allah SWT:

وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرْهُ إِلَى مَيْسَرَةٍ وَأَن تَصَدِّقُوا خَيْرُكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٦٠﴾



Bermaksud: "Dan sekiranya orang yang berhutang itu sedang dalam kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga dia beroleh kemampuan. Namun, jika kamu sedekahkan (hutang itu) kepadanya, itu lebih baik bagi mu jika kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang akan kamu peroleh kelak)." (Surah al-Baqarah ayat 280)

Selain membayar hutang sesama manusia, jangan lupakan hutang kepada Allah SWT. Hendaklah kita bergegera membayar hutang-hutang kepada Allah SWT sebelum kita dijemput menghadap Rabbuljalil. Menurut Jumhur Ulama, hutang terhadap Allah tidak gugur walaupun seseorang itu meninggal dunia. Hutang tersebut perlu dijelaskan menggunakan harta pusaka si mati walaupun tidak diwasiatkan. Hutang kepada Allah SWT termasuklah zakat, fidyah, kafarah dan haji fardu. Mazhab Syafie berpendapat bahawa hutang terhadap Allah perlu didahulukan pembayarannya sebelum hutang sesama manusia.

Sidang Jumaat Rahimakumullah,

Mimbar mengingatkan janganlah kita mengambil harta orang lain secara salah (batil) kerana perbuatan sedemikian akan menjadi hutang kita di akhirat. Perbuatan-perbuatan yang akan menjadi kita berhutang hingga di akhirat termasuk menipu, mencuri, rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan sebagainya. Perbuatan-perbuatan berunsur hutang yang akan dituntut di akhirat akan mengakibatkan pelakunya menjadi muflis di akhirat.

Hayatilah peringatan-peringatan berikut;

Pertama: Berhutang hukumnya harus kepada yang memerlukannya bagi memenuhi keperluan-keperluan asas, tetapi makruh bagi tujuan bermewah. **Kedua:** Uruslah hutang mengikut kemampuan bukan mengikut kemahuan. Elakkan berhutang kerana perkara yang tidak perlu yang akan menyebabkan berlakunya bebanan dalam hidup seseorang. **Ketiga:** Islam menggalakkan orang kaya memberi hutang kepada orang yang memerlukan tanpa mengenakan syarat mengambil keuntungan. Bahkan orang kaya digalakkan melupuskan hutang orang miskin yang berada dalam kesempitan. **Keempat:** Membayar hutang hukumnya wajib dan perlu didahulukan. **Kelima:** Jika ada keperluan untuk berhutang, pilihlah institusi pinjaman yang berlesen dan patuh syariah. **Keenam:** Jangan mengambil harta orang lain secara salah kerana ia akan menjadi hutang di akhirat.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا⁵
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁶، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ⁷.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! berkatilah harta yang kami peroleh. Engkau bantulah hamba-hamba Mu yang berada dalam kesempitan hutang agar mereka dapat melunaskan hutang, serta bimbing kami memperoleh dan menguruskan harta mengikut cara yang Engkau reda.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَيْهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.